

18 NOV 1998

APEC-BERITA-MEDIA/I

MAHATHIR JAWAB MEDIA ASING DENGAN PENUH BERGAYA

Oleh: E.Sivabalan

CYBERJAYA, 18 Nov (Bernama) -- Tidak sampai 72 jam selepas Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore mencetuskan kemarahan rakyat Malaysia dengan menyatakan sokongan terhadap pergerakan reformasi, dua wartawan Amerika cuba memalukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di hadapan pemimpin-pemimpin Apec yang lain dengan bertanya kepada beliau mengenai tuntutan pergerakan itu supaya Perdana Menteri meletakkan jawatan.

Bagaimanapun, percubaan mereka gagal apabila Dr Mahathir, sebagai ahli politik berpengalaman, menjawab dengan cara yang biasa dilakukannya, bahawa itu bukan forum yang betul bagi kedua-dua wartawan yang dipercayai bekerja dengan media Barat, untuk mengemukakan soalan sedemikian.

Terdahulu, Dr Mahathir telah membacakan Deklarasi Apec selepas pemimpin-pemimpin Lingkaran Pasifik itu bermesyuarat selama hampir lapan jam bagi membincangkan kerjasama ekonomi semasa beristirahat di sini, kira-kira 40 km ke selatan Kuala Lumpur.

Selepas membacakan deklarasi tersebut, Dr Mahathir membenarkan pihak akhbar yang terdiri kebanyakannya daripada wartawan asing untuk mengemukakan "tiga atau empat soalan."

Seorang wartawan Amerika yang tidak dikenali mengemukakan soalan pertama dengan bertanya Dr Mahathir sama ada beliau (Dr Mahathir) dan Gore telah menyelesaikan "perselisihan" antara mereka.

Gore telah mengkritik langkah-langkah kawalan modal yang dikenakan oleh Malaysia dan menyokong pergerakan reformasi yang anti kerajaan dalam ucapannya yang disampaikan pada jamuan makan malam Sidang Kemuncak Perniagaan Apec Isnin lalu.

Perdana Menteri menjawab: "Saya tidak sedar ada sebarang perselisihan. Saya tidak tahu."

Dr Mahathir kemudian berpaling kepada Gore yang sedang berdiri jauh di sebelah kiri beliau dan menanya naib presiden Amerika itu "Adakah (sebarang perselisihan)?"

Gore hanya tersenyum kepada Dr Mahathir manakala pemimpin-pemimpin lain membisu.

Seorang lagi wartawan Amerika yang tidak dikenali mengemukakan soalan yang sama kepada Dr Mahathir dengan menanya beliau mengenai kononnya ada tuntutan oleh pergerakan itu supaya beliau meletakkan jawatan.

Menjawab soalan ini, Perdana Menteri berkata: "Saya rasa ini bukan forum yang wajar untuk membincangkannya."

Selepas menjawab soalan ketiga yang dikemukakan oleh seorang pemberita tempatan, mengenai sama ada pemimpin-pemimpin Apec membincangkan cadangan untuk mengawal selia sistem kewangan antarabangsa, Dr Mahathir memberitahu pihak akhbar bahawa beliau tidak mahu menjawab sebarang soalan lagi.

Kemudian, Dr Mahathir sebagai pengerusi Apec mengucapkan selamat berpisah kepada pemimpin-pemimpin Apec termasuk Gore sebelum bertolak ke hotel Palace of the Golden Horses bagi menghadiri satu persidangan berita mengenai mesyuarat pemimpin-pemimpin Apec yang berakhir di sini hari ini.

-- BERNAMA

ES KY MA